

**NO SOALAN :22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.05.2016**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pengukuhan mata wang Ringgit Malaysia (RM) berbanding mata wang USD adalah dari sebab kemasukan dana USD5.5 bilion ke dalam saham-saham di Bursa Malaysia dalam suku pertama tahun 2016 dan bukan berdasarkan asas ‘fundamental’ ekonomi Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengukuhan mata wang ringgit berbanding dolar AS adalah bergantung kepada pelbagai faktor dan bukannya semata-

mata bergantung kepada kemasukan dana ke dalam saham-saham di Bursa Malaysia.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perkembangan mata wang terkini, ringgit telah menambah nilai sebanyak 6.9% berbanding dolar AS kepada RM4.0140 pada 17 Mei 2016 berbanding RM4.2920 pada 31 Disember 2015. Faktor-faktor yang mempengaruhi pengukuhan mata wang ringgit adalah, pertama, aliran masuk modal ke dalam pasaran ekuiti dan bon Malaysia. Pelabur bukan pemastautin menyumbang aliran masuk sebanyak RM5.9billion dan RM14.5billion masing-masing kepada pasaran ekuiti dan bon pada April 2016. Perkembangan ini adalah berikutan peningkatan minat pelabur terhadap aset kewangan ringgit yang dipengaruhi oleh perkembangan luar dan dalam negara. Dari segi perkembangan luar negara, kadar faedah yang rendah atau negatif dalam beberapa ekonomi utama telah meningkatkan insentif pelabur untuk mencari hasil yang lebih tinggi. Ini telah mendorong aliran masuk modal yang tinggi ke arah ekonomi yang pesat membangun, termasuk Malaysia.
3. Kedua, dari segi asas fundamental ekonomi, sentimen pelabur turut disokong dengan keupayaan Kerajaan dalam mengurus ekonomi yang pragmatik. Meskipun persekitaran global yang tidak menentu, termasuk pertumbuhan ekonomi dan

perdagangan antarabangsa yang perlahan, negara masih dapat mencatat pertumbuhan prestasi ekonomi yang menggalakkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2016 sebanyak 4.2% yang disokong terutamanya oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik.

4. Selain itu, pemulihan harga minyak mentah Brent sejak akhir-akhir ini turut memberi sokongan kepada mata wang negara-negara pengeksport komoditi termasuk Malaysia, di mana harga minyak mentah dunia telah melepas paras USD40 setong dan berada pada paras USD48 setong pada 17 Mei 2016. Para pelabur juga yakin dengan usaha-usaha dan komitmen Kerajaan dalam melaksanakan konsolidasi fiskal termasuk pelaksanaan GST dan rationalisasi subsidi yang turut mempengaruhi kedudukan penarafan yang positif diberikan oleh syarikat-syarikat penarafan utama termasuk Standard & Poor's (S&P) dan Fitch Ratings.
5. Justeru, penunjuk data-data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan telah membantu sentimen pelabur dan menyokong aliran masuk dana portfolio.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Adalah jelas bahawa pengukuran nilai mata wang ringgit adalah disebabkan oleh pelbagai faktor luaran dan dalaman negara dan bukan semata-mata bergantung kepada kemasukan dana ke dalam saham-saham di Bursa Malaysia.